

02/09/2002

Tioman rasmi berstatus bebas cukai

TIOMAN, Ahad - Pulau peranginan ini hari ini secara rasmi menikmati status bebas cukai, tetapi barangan yang dijual masih pada harga lama.

Perisytiharan Tioman sebagai pulau bebas cukai diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada awal Januari lalu, iaitu pulau ketiga yang diberi keistimewaan itu selepas Langkawi dan Labuan.

Bagaimanapun, peniaga mendakwa jabatan atau agensi kerajaan berkaitan masih belum menyediakan senarai lengkap jenis barangan bebas cukai yang dibenar dijual di sini.

Malah, tinjauan Berita Harian di pulau peranginan yang mempunyai 3,000 penduduk itu, mendapati peniaga masih belum bersedia menjual beberapa barang yang dikecualikan cukai seperti rokok, minuman keras, barangan elektrik, coklat dan kain, kerana ingin menghabiskan stok lama.

Seorang peniaga runcit, Noruziana Abdul Panar, 25, berkata beliau masih kabur apakah jenis barangan bebas cukai yang boleh ditawarkan kepada pelancong.

"Sebenarnya saya masih menunggu senarai lengkap jenis barangan bebas cukai dari jabatan atau agensi kerajaan kerajaan berkaitan.

"Buat masa ini, saya perlu menghabiskan stok lama dulu dan kemungkinan selepas dua minggu saya akan menjual barang bebas cukai seperti rokok," katanya.

Pelancong tempatan, Doh Kuan Ping, 22, dari Muar, Johor pula berkata beliau mengunjungi pulau ini pagi ini semata-mata ingin membeli beberapa barang bebas cukai seperti rokok dan minuman keras.

"Saya sangkakan pada hari pertama bebas cukai ini, semua barang seperti rokok sepatutnya lebih murah kerana tiada cukai dikenakan, tapi saya lihat ia masih harga lama.

"Malah, apa yang mengejutkan saya apabila harga beberapa jenis makanan dan minuman dua kali ganda lebih mahal daripada di tanah besar," katanya.

Beliau memberi contoh, sebiji kelapa muda di Kampung Tekek berharga RM4 berbanding RM1.50 di tanah besar.

Sehubungan itu, beliau meminta pihak berkuasa memantau kenaikan harga barangan dan minuman di Tioman kerana ia membebankan pelawat, khususnya pelancong domestik.

"Saya khuatir jika harga makanan dan minuman terus melambung, pelawat sukar berbelanja di sini kerana mereka juga dibebani kos tambang feri yang agak tinggi," katanya.

Pelancong dari United Kingdom, Mark Dolge, 42, bagaimanapun berkata beliau ke sini untuk menikmati keindahan pulau dan alam sekitarnya.

"Bagi saya walaupun hari ini Tioman menjadi pulau bebas cukai, tidak semestinya tujuan pelancong asing datang semata-mata untuk menikmati barangan yang dikecualikan cukai.

"Saya dan tiga rakan ke sini ingin menyelam skuba kerana pulau ini cukup terkenal dengan alam marinnya yang indah dan menakjubkan," katanya.